

22 MAY 2003

Mahathir-Umno

TIADA SERPIHAN DALAM UMNO, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 22 Mei (Bernama) -- Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari menjelaskan bahawa tidak terdapat serpihan di dalam parti Umno seperti yang pernah berlaku suatu ketika dahulu yang dikatakan boleh melemahkan parti itu.

Sebaliknya, Perdana Menteri menjelaskan apa yang dimaksudkan beliau mengenai serpihan atau masalah yang dihadapi oleh parti ketika ini ialah terdapatnya "orang-orang Umno yang kecewa" sama ada tidak terpilih untuk memegang jawatan tertentu atau tidak bersetuju dengan beberapa perkara yang diputuskan parti.

"Saya fikir media tidak faham apa yang saya sebut ini, saya tak kata ada banyak serpihan-serpihan di dalam Umno. Saya cuma sebut tentang dahulu terdapat serpihan dalam umno dan ini melemahkan umno," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno di ibu pejabat Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, petang tadi.

Menurut Dr Mahathir, tindakan kumpulan "orang yang merajuk atau kecewa" yang mengikut perasaan itu, kadang-kadang kala akan merugikan parti Umno sendiri.

"Ada yang merajuk, ada yang cuba tentukan calon yang dipilih itu dikalahkan dan sebagainya ... sebab itu saya minta semua pihak supaya mereka kembali kepada semangat perjuangan yang lama," katanya.

Pada sambutan ulang tahun penubuhan Umno ke-57 pada 11 Mei lalu, Dr Mahathir pada sidang media, antara lain membayangkan golongan serpihan itu terdiri daripada mereka yang kecewa, marah dan tidak mendapat tempat di dalam parti.

Berikutan pendedahan Dr Mahathir itu, pelbagai reaksi telah dibuat oleh beberapa pemimpin Umno termasuk bentuk tindakan serta langkah yang akan diambil bagi mencegah perpecahan di dalam parti itu.

Dr Mahathir seterusnya menjelaskan "serpihan" bermaksud bahawa terdapatnya orang-orang tertentu yang keluar daripada Umno seperti yang pernah terjadi satu ketika dahulu apabila ulama-ulama parti Umno menyertai parti PAS.

"Faction tak ada, serpihan bermakna dia (anggota parti) keluar daripada parti ...tetapi kalau dia dok ada dalam Umno, dan dia cuma tak berapa seronok dengan satu-satu benda, that is not serpihan," katanya.

Mengenai persiapan pilihan raya, Dr Mahathir berkata semua peringkat di dalam Umno termasuk Pergerakan Pemuda, Wanita dan Puteri telah diminta bersiap sedia dan menjalankan "ujian percubaan" bagi menghadapi pilihan raya umum akan datang.

"Ini tidak bermakna pilihan raya akan diadakan tidak lama lagi, tetapi biasanya Umno buat persiapan awal dan kini kita hanya ada lebih sikit (masa) daripada setahun sebelum tamat "edah" kita. Jadi kita kena buat persediaan," katanya.

-- BERNAMA

RAM RAM RHM